

## **RISIKO PENGURUSAN DANA WAKAF UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA: SATU KERANGKA KONSEPTUAL**

**Nur Farhana Dahalan, Rahisam Ramli, Roslina Hashim, Nur Yuhanis Ismon  
& Shahrina Romli**  
Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Wakaf pendidikan tinggi merupakan suatu dana sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang digunakan untuk menyediakan peluang pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Namun, pengurusan risiko dalam mengendalikan wakaf pendidikan tinggi kurang diperdebatkan berbanding aspek pengurusan wakaf untuk membina masjid, surau dan pusat komersial yang lain. Sedangkan pengurusan risiko dalam pendidikan tinggi dapat menyediakan maklumat berguna kepada pengurusan wakaf. Keupayaan pengurusan wakaf dalam mengenal pasti risiko mampu meningkatkan keberkesanan urus tadbir. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menyumbang beberapa risiko-risiko yang wujud dalam pengurusan wakaf pendidikan tinggi.

**Kata kunci:** *Model Pengurusan, Pengurusan Risiko, Wakaf, Pendidikan Tinggi*

## **RISK MANAGEMENT FUNDS FOR WAQF HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS IN MALAYSIA: A CONCEPTUAL FRAMEWORK**

### **ABSTRACT**

Higher education waqf is a fund either in the form of financial and non-financial, which are used to provide educational opportunities at the tertiary level. However, risk management in higher education waqf control less debated than the management aspects of waqf to build the Mosque and other commercial centers. While risk management in higher education can provide useful information on the management of waqf. Waqf management capabilities in identifying risk can improve the effectiveness of governance. Thus, this paper aims to contribute some of the risks inherent in the management of higher education waqf.

**Keywords:** Model Management, Risk Management, Waqf, Higher Education

### **PENGENALAN**

Dana wakaf dalam meningkatkan pembiayaan pendidikan untuk umat Islam masa kini menjadi semakin penting. Perhatian terhadap wakaf pendidikan tinggi masih kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan negara lain seperti Australia yang memperuntukkan AUS1 Bilion kepada dana pendidikan. Negara Ireland pula memperuntukkan 90% sumbangan orang awam diberi kepada pendidikan tinggi. Sumbangan dana merupakan nadi utama kepada pembiayaan untuk pendidikan tinggi (Ismail Omar et al., 2015). Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) giat membangunkan saham wakaf sebagai pusat dialisis bernilai RM 6 juta. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) pula membangunkan rumah pangsa dan lot kedai untuk asnaf fakir dan miskin di atas lot 82 Tengkeru seluas 1.31 ekar (Baharuddin Sayin et al., 2015). Selanjutnya dalam Rancangan Malaysia Ke 11, kerajaan mensasarkan usaha-usaha intensif antaranya merapatkan jurang pencapaian pendidikan dan kemahiran serta meningkatkan produktiviti. Pendapatan isi rumah B40 juga akan dipertingkatkan melalui pendidikan dan kemahiran tinggi.

Pekerja yang berkemahiran tinggi merupakan nadi kepada pembangunan negara. Oleh sebab itu, kerajaan menggalakkan lebih ramai pelajar yang mendapat pendidikan berbentuk kemahiran dan vokasional dilatih. Namun, jumlahnya kini hanya 25 peratus daripada tenaga kerja. Rancangan ini bermatlamat melonjakkan jumlahnya kepada 35 peratus supaya dapat seiring dengan graduan akademik dan profesional. Senario ini memberikan gambaran bahawa pendidikan tinggi di Malaysia diberi penekanan melalui peruntukan tahunan tetapi masih dalam skala yang kecil. Justeru itu, institusi wakaf mampu menjadi penggerak kepada pendidikan tinggi untuk meningkatkan pencapaian pendidikan tinggi.

Melalui pengamatan pengkaji, pengurusan risiko wakaf pendidikan tinggi kurang diberi perhatian berbanding aspek pembangunan dan pengurusan projek wakaf untuk masjid, surau dan bangunan komersial. Kajian dana wakaf juga lebih menumpukan aspek pengurusan secara umum kepada permasalahan luaran yang belum menampakkan hasilnya. Umpamanya kajian Baharudin Sayin et al. (2006) mendapati pengurusan wakaf di Malaysia masih menghadapi banyak masalah dan tidak seragam. Walaupun selepas itu banyak usaha dilakukan oleh JAWHAR tetapi penyelarasan antara dasar wakaf pendidikan tinggi masih belum menampakkan hasil yang memberangsangkan.

Selain memerlukan dana, penglibatan rakan kongsi juga memainkan peranan penting. Pengurus wakaf memerlukan rakan kongsi dari pihak pembiaya yang dapat menyalurkan pembiayaan tanpa faedah sebagai modal untuk memajukan aset. Kajian mendapati mekanisme kutipan wakaf masih tidak memadai tanpa penglibatan rakan kongsi dari pelbagai pihak secara kolektif (Nur Yuhanis Ismon et al., 2015). Manakala dari aspek potensi, pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi hanya mencatat 8 institusi pendidikan tinggi yang terdiri dari Universiti Antarabangsa Albukhary, UPM, UIA, UKM, UIM, USIM, UNISZA dan UiTM sedangkan Malaysia mempunyai 20 buah UA dan 66 buah IPTS yang berpotensi melonjakkan dana wakaf pendidikan tinggi.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Antara kajian awal yang mendapati wakaf berperanan dalam pembangunan sektor pendidikan dilakukan oleh Murat Cizakca (1998) dan Monzer Kahf (1998). Kedua-duanya bersetuju dari aspek sejarah bahawa dana wakaf terbukti menjadi instrumen penting bagi 3 perkara iaitu sebagai pembiayaan negara, mengurangkan perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan dan menghapuskan sistem riba. Bukti kajian sejarah menunjukkan kombinasi dua kaedah menerusi wakaf tunai dan mudharabah adalah elemen penting dalam sistem perbankan Islam.

Kajian daripada Asmak Ab. Rahman (2009) lebih memfokuskan aspek teoritikal yang menumpukan impak wakaf. Beliau menganalisis peranan wakaf sebagai pembangunan ekonomi ummah. Dalam masa yang sama wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi secara langsung dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran, maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Ini kerana apabila mereka sihat dan terdidik serta mempunyai kemahiran, ia membuka peluang untuk meningkatkan juga taraf ekonomi keluarga mereka. Begitu juga dengan adanya tempat-tempat ibadat yang membolehkan mereka berjemaah, menunaikan ibadat, menuntut ilmu dan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyuburkan rohani, akan turut membangunkan kemanusiaan mereka. Ini kerana pembangunan ekonomi tidak sekadar diukur dari pembangunan bersifat fizikal,

malah pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada keperluan dalam pembangunan ekonomi.

Di peringkat kerajaan persekutuan institusi wakaf (JAWHAR) yang bertanggungjawab memartabatkan perlu meluaskan ruang lingkup dana wakaf kepada sektor pendidikan tinggi. Kekurangan kajian-kajian empirikal terhadap isu tersebut menjadikan sektor pendidikan tinggi akan terus berhadapan dalam melestarikan risiko kos operasi. Hanya segelintir pengkaji yang mula meneroka keupayaan wakaf merujuk model IPTA. Bezanya perbelanjaan IPTA mendapat suntikan sepenuhnya dari kerajaan persekutuan, sedangkan IPTS yang membiayai 100% perbelanjaan operasinya.

Kajian Nur Yuhanis Ismon et al. (2015) mencadangkan empat perkara asas dalam pendidikan tinggi:

- 1) Mempertingkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi. Kerjasama dengan pelbagai agensi korporat perlu diperluaskan bagi memupuk jalinan kerjasama bagi berkongsi idea dan pandangan dalam melaksanakan kajian. Keadaan ini kerana dengan wujudnya jalinan yang erat dengan pelbagai agensi akan menyebabkan segala maklumat dan rangkaian kerjasama dapat diperkukuhkan seterusnya memudahkan urusan pelaksanaan kajian.
- 2) Mengaplikasikan instrumen wakaf dalam bentuk pelaksanaan. Setiap pelaburan mempunyai risiko, termasuk aktiviti pelaburan dalam mengurus harta wakaf. Tahap risiko bergantung pada projek yang dijalankan. Kepakaran tenaga kerja dalam sesuatu organisasi perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan produktiviti yang berkualiti kerana kemahiran seseorang individu dinilai daripada hasil produktiviti yang dihasilkan. Kekurangan kepakaran tenaga kerja akan menyebabkan sesebuah organisasi akan hilang kreativiti dalam menghasilkan sesuatu yang berkualiti kerana dengan pertambahan kepakaran tenaga kerja dapat berkongsi idea, pandangan dan dapat membangun modal insan agar melahirkan generasi yang bermutu dan berkualiti tinggi.
- 3) Memupuk keyakinan dan kesedaran di kalangan masyarakat. Kebanyakan masyarakat pada hari ini kurang pengetahuan dalam hal yang melibatkan harta wakaf dari segi kebaikan dan manfaat harta wakaf di masa hadapan di mana wakaf merupakan satu instrumen perancangan harta orang Islam yang memberikan manfaat selepas daripada kematian dari segi ganjaran pahalanya yang sentiasa berterusan sehinggalah hari kiamat selagi mana harta tersebut digunakan ke arah kebaikan dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Kesedaran masyarakat perlu digembleng usahanya melalui kempen kesedaran, ceramah-ceramah dan seminar-seminar yang seterusnya akan membuka minda masyarakat Islam pada

hari ini dan memeberikan kesedaran betapa pentingnya tentang instrument wakaf yang menjanjikan kebahagiaan pada masa hadapan.

- 4) Meningkatkan tadbir urus dengan menubuhkan satu entiti wakaf. Tadbir urus yang sistematik dan tersusun menjamin pengurusan wakaf yang lebih efisien. Penubuhan satu entiti yang menguruskan dana wakaf dan mengendalikan pelaksanaan wakaf menjadi satu cara penyelesaian bagi menjamin pembangunan wakaf selari dengan keperluan masyarakat umum.

Ini menunjukkan selain memenuhi keperluan dana wakaf, masih wujud risiko dalam pengurusan dana dan memerlukan perhatian sewajarnya dari pihak pengurusan dana wakaf.

Selain elemen urus tadbir korporat, sistem pengurusan risiko yang berkesan adalah asas kepada usaha-usaha pengawalseliaan. Sistem pengurusan risiko dalam institusi kewangan Islam mestilah berupaya menangani ciri dan elemen unik berkaitan operasi pembiayaan Islam yang melibatkan kontrak dan instrumen kewangan, yang boleh membawa kepada risiko-risiko lain di samping risiko kredit. Infrastruktur pengurusan risiko perlu diwujudkan bagi memudahkan pengenaltastian, pengawasan dan pengawalan terhadap risiko bawaan yang wujud dalam pelbagai jenis pembiayaan supaya risiko tertentu dapat dirungkaikan. Oleh itu, kerumitan risiko-risiko berkenaan dalam instrumen kewangan Islam perlu diteroka dan dikuantifikasi bagi penilaian dan pengurusan yang berkesan. Secara tidak langsung pengurusan risiko wakaf masih berkait rapat dengan elemen-elemen yang dinyatakan seperti di atas.

Berkaitan dengan wakaf pendidikan tinggi, kajian yang dijalankan oleh penyelidik yang melalui geran penyelidikan. Kajian ini menumpukan kepada 3 aspek utama iaitu 1) Kerangka Ekonomi Islam Terhadap Wakaf: Pengalaman Tamadun, Perbandingan Amalan Terbaik dan Pembangunan Model Kontemporari, 2) Pembiayaan Institusi Pendidikan Tinggi Menggunakan Wakaf & Instrumen Transaksi Komersil Islam dan 3) Kajian Impak Sosial dalam Pembangunan Governans Bersepadu Wakaf Pendidikan Tinggi Negara Melalui Statut Wakaf dan Bank Wakaf.

Dalam kajian tersebut, Wan Kamal Mujani (2014) menghuraikan perkembangan wakaf pendidikan di Malaysia dan merumuskan bahawa dana wakaf ini secara umumnya bertujuan untuk menerima aset, wang tunai, saham dan aset-aset kewangan dalam negara dan luar negara yang akan digunakan untuk membiayai biasiswa, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan. Sehingga hari ini sudah terdapat model-model pelaksanaan wakaf pendidikan namun, amalan sistem wakaf pendidikan sebagai sistem yang berjaya masih lagi belum dapat dilaksanakan secara konsisten sebagai satu mekanisme penyelesaian masalah berkaitan pendidikan. Beliau mendapati isu perundangan perlu diberi perhatian seperti persoalan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang negeri dalam perkara wakaf. Namun pengurusan risiko wakaf juga tidak

diberi perhatian dalam penyelidikan yang dijalankan sedangkan penerimaan harta wakaf dalam bentuk aset masih mempunyai risiko yang perlu dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Kelangsungan operasi pendidikan tinggi berkait dengan yuran pengajian atau dinamakan sebagai pinjaman pendidikan. Persoalannya adakah pembiayaan ini sebagai kemudahan atau bebanan? Tidak dinafikan pertumbuhan ekonomi turut meningkatkan beban yuran pengajian. Dalam hal ini, pinjaman pendidikan meskipun disediakan namun pembayaran balik pinjaman memberi kesukaran kepada graduan. Norhazimah Che Hassan (2007) menyatakan kos untuk membiayai pendidikan semakin mahal berikutan yuran pengajian semakin meningkat terutama bagi kursus-kursus kritikal dalam bidang sains dan teknologi seperti perubatan, sains kesihatan, farmasi, kejuruteraan, sains angkasa dan lain-lain. Tidak terkecuali juga bidang sastera dan agama yang merupakan bidang tradisi bagi majoriti pelajar Bumiputera Muslim. Pembayaran balik ini menimbulkan beban dan masalah kepada peminjam dan juga pemberi pinjaman itu sendiri untuk melakukan amal berwakaf dan berzakat secara aktif dan berterusan. Faktor-faktor penentu kejayaan pelaksanaan wakaf untuk pendidikan ini adalah dengan adanya kesedaran masyarakat, keadaan demografi iaitu populasi penduduk Islam yang tinggi, kedudukan ekonomi yang mantap yang dimiliki oleh umat Islam dan tadbir urus secara cekap dan profesional.

Nor Fatimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad (2011) menjalankan kajian "Risiko-risiko dalam Kewangan Semasa: Penilaian Daripada Perspektif Islam". Kajian kualitatif ini mendapati syarak bukan sahaja mengiktiraf kewujudan risiko malah menggalakkan aktiviti mengawal dan mengurus risiko kerana proses tersebut memenuhi objektif syariah iaitu penjagaan harta. Kajian yang dilakukan dapat membantu pengkaji memahami pembahagian risiko bukan sahaja dari perspektif Syariah tetapi juga dari perspektif ekonomi. Hal ini kerana untuk menguruskan risiko-risiko yang dihadapi oleh sesebuah institusi sama ada risiko yang boleh dielakkan mahupun risiko yang tidak boleh dielakkan memerlukan pemahaman tentang kategori-kategori risiko.

Sebagai penyelesaian alternatif terhadap beban yang digalas oleh mahasiswa, wakaf berpotensi sebagai dana mengurangkan beban dan seterusnya mampu meningkatkan ekonomi ummah. Antara alasan diberikan mengapa wakaf mampu meningkatkan ekonomi ummah ialah kerana ia berkait dengan indeks kesejahteraan ummah. Kesejahteraan ummah merupakan satu perkara yang sangat penting bagi mencapai pembangunan sesebuah negara. Wakaf bukan sahaja menjadi instrumen penting, tetapi harus dilaksanakan dengan zakat dan sedekah secara sistematik. Oleh itu, wakaf sebagai mekanisme agihan semula adalah sangat unik kerana pewakaf tidak perlu dipaksa untuk melakukannya kerana ia dibuat dengan niat untuk mendapatkan keredhaan Allah. Begitu juga dengan sedekah dan hibah yang dilakukan kerana ingin mendapat keredhaan Allah. (Shamsiah Mohamad et al., 2010).

Perkembangan kajian wakaf sebagai instrumen pendidikan turut dijadikan model untuk peringkat sekolah. Syed Mohd Ghazali Wafa (2010) telah membuat simulasi wakaf pendidikan kebangsaan. Tumpuan kepada pendidikan sekolah, namun kita boleh menjadikan sebagai model asas kepada pengumpulan dan usaha berterusan. Bermula dengan amalan wakaf harta tetap secara langsung, dewasa ini perkembangan wakaf adalah dalam bentuk wakaf tunai dan daripada tunai inilah sebahagiannya dimanfaatkan untuk pembangunan atau pembelian hartanah atau harta lain dan sebahagian pula akan dilaburkan dalam pasaran kewangan. Menariknya, beliau mencadangkan bagi tadbir urus wakaf adalah disarankan sebuah Perbadanan ditubuhkan khusus bagi melaksanakan program ini. Ia melibatkan kepentingan awam dan nilai dana yang besar. Maka program ini memerlukan kepada tadbir urus yang disokong dengan perundangan yang bersesuaian.

Hailani Muji Tahir (2010) mengemukakan pelaksanaan idea wakaf di UKM. Beliau menjelaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam dalam menjana dana wakaf dan agihannya, di samping menjelaskan beberapa perkara penting dalam menangani isu-isu semasa, termasuk idea penswastan dalam negara Islam. Pada hakikatnya, dana wakaf adalah satu sistem wakaf harta yang unik dan mampu menyelesaikan banyak masalah ekonomi yang tidak stabil pada masa ini tetapi suatu anjakan paradigma perlu dibuat oleh kedua-dua belah pihak, iaitu Majlis Agama Islam Negeri dan pihak pewakaf sendiri untuk memperluaskan amalan berwakaf kepada harta-harta alih. Sementara itu di pihak Majlis, mereka perlu bersedia dari segala sudut untuk menguruskan aset-aset dalam kategori ini secara professional. Pelantikan agen professional bagi mengendalikan wakaf merupakan suatu langkah yang bijak bagi mengatasi masalah ketiadaan kakitangan atau pegawai Majlis yang kompeten. Ianya juga boleh dilaksanakan secara usahasama ataupun penubuhan syarikat ataupun perbadanan khusus untuk merealisasikannya. Justeru itu, semua perjalanan dana wakaf mesti dijalankan atas dasar panduan syarak supaya wakaf tersebut sah dan berkat di sisi Allah S.W.T serta berjaya dalam merealisasikan maksud dan tujuan dari ibadat wakaf.

Kajian berikutnya juga masih belum banyak mengemukakan model baharu pendidikan tinggi, khususnya kepada IPTS yang bergantung penuh dari daya usaha pengambilan pelajar dan kutipan yuran. Umpamanya Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed (2011). Abd. Shakor Borham (2011) pula membincangkan mengenai pelaksanaan pembangunan wakaf korporat yang diperkenalkan oleh Johor Corporation Berhad (JCorp) menerusi anak syarikatnya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Mazrul Shahir Md Zuki (2012) mengukuhkan fakta bahawa wakaf berperanan dalam pembangunan sosioekonomi. Kajian ini menumpukan bahawa wakaf sebagai model saluran kebajikan yang penting kepada masyarakat yang memerlukan. Beliau mendapati budaya wakaf perlu disuburkan semula selepas melalui beberapa zaman pemerintahan Islam. Budaya kerja pendekatan moden perlu diterapkan untuk menjamin kejayaan wakaf. Tujuan utama adalah sebagai saluran kebajikan kepada masyarakat.

Kertas konseptual seperti Asharaf Mohd Ramli & Mustafa Omar Mohammad (2013) menjalankan kajian berkaitan pendidikan tinggi sebagai hub pendidikan antarabangsa memerlukan dana awam melibatkan kos yang tinggi. Kajian ini mencadangkan wakaf sebagai dana alternatif bagi sektor pendidikan. Pendekatan kaedah sejarah wakaf menunjukkan wakaf berperanan dalam menyalurkan dana kepada pendidikan tinggi di kalangan negara-negara Islam.

Pembiayaan wakaf menerusi kaedah bank dikemukakan oleh Muhammad Ridhwan Ab Aziz et al. (2014). Beliau mencadangkan Bank wakaf Islam sebagai sebuah institusi kewangan khas yang direka untuk memberi manfaat kepada pelajar dan juga ibu bapa mereka kerana struktur yang unik serta boleh membiayai pendidikan pelajar dari segi yuran dan kos sara hidup. Bank wakaf Islam menggunakan konsep wakaf tunai dari segi pembiayaan pengajian pendidikan. Oleh itu, kajian untuk menguruskan dana wakaf tunai melalui bank wakaf Islam adalah penting dalam usaha untuk dana yang akan digunakan dengan cekap.

Kajian wakaf di IPTA antaranya dijalankan oleh Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014). Dana wakaf institusi pendidikan tinggi juga adalah salah satu cara yang dapat membantu meningkatkan kebajikan universiti. Kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan kepada satu kaedah pengurusan dana wakaf institusi pendidikan yang baik dari aspek kutipan dan perbelanjaan serta dapat memberikan manfaat dana wakaf yang berterusan dalam jangka panjang. Kajian ini menumpukan kepada model pengurusan wakaf antara IPTA terpilih di Malaysia iaitu UIAM, UKM, USIM dan UPM.

Manfaat wakaf kepada pendidikan tinggi antara lain melahirkan usahawan menerusi program inkubator dilakukan oleh Nor'Ain Abdullah et al. (2014). Kajian ini mengkhususkan keusahawanan di UKM-CESMED salah satu pusat pembangunan usahawan. Menerusi pendidikan, penyelidikan dan keusahawanan sumber pembiayaan perlu disertai oleh wakaf. Maka pembangunan akan tercapai dengan sokongan aset wakaf seperti tanah dan bangunan boleh dimanfaatkan oleh institusi ini. Program inkubator yang dijalankan sudah menunjukkan kejayaan menghasilkan usahawan di kalangan mahasiswa yang bersungguh-sungguh. Kajian ini mencadangkan program inkubator wakaf berperanan untuk melahirkan para usahawan.

Berdasarkan sorotan kajian, timbul persoalan seandainya instrumen wakaf mampu dijadikan sebagai pembiayaan sektor pendidikan mengapa tidak semua institusi berusaha menjadikan ia sebagai sumber pembiayaan? Sedangkan fakta sejarah menunjukkan dana wakaf merupakan instrumen penting bagi pembiayaan pendidikan masa lalu yang berjaya dibentuk dalam zaman kegemilangan Islam. Jika alasan zaman dan tempat berbeza yang menjadikan ia sebagai alasan, apakah kita tidak boleh mengemukakan model baharu wakaf yang sepadan dengan sektor pendidikan bertaraf IPTS?

Sorotan kajian yang dijalankan oleh Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda (2014) mencadangkan supaya diberi perhatian kepada isu-isu penting dalam pengurusan wakaf yang meneliti secara khusus mengenai masalah pengurusan



wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi terutamanya melibatkan pengurusan sumber kewangan atau dana merupakan antara cabaran paling besar dalam pengurusan wakaf pendidikan.

Berdasarkan sorotan literatur, kajian mengenai pengurusan risiko wakaf pendidikan tinggi masih belum diteroka. Di peringkat kerajaan persekutuan institusi wakaf oleh JAWHAR bertanggungjawab perlu meluaskan ruang lingkup agihan dana wakaf kepada sektor pendidikan tinggi. Kekurangan kajian-kajian empirikal terhadap isu tersebut menjadikan sektor pendidikan tinggi akan terus berhadapan dalam melestarikan risiko kos operasi. Hanya segelintir pengkaji yang mula meneroka keupayaan wakaf merujuk model IPTA. Bezanya perbelanjaan IPTA mendapat suntikan sepenuhnya dari kerajaan persekutuan, sedangkan IPTS yang membiayai 100% perbelanjaan operasinya. Justeru, kajian yang bertujuan untuk mereka bentuk model baharu yang bersesuaian dengan IPTS dirasakan menjadi keperluan pada masa kini. Secara ringkas komponen utama kajian-kajian lepas dapat digabungkan untuk mereka bentuk model wakaf pendidikan tinggi khusus bagi IPTS berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1 Struktur dan komponen model wakaf pendidikan tinggi.

Struktur	Komponen Risiko	Pengkaji
<b>1. Konseptual</b>	Sejarah wakaf pendidikan	Murat Cizakca, Monzer Khaf
<b>2. Kewangan</b>	Perkongsian	Mohd Daud Bakar
<b>3. Kerangka kerja</b>	Pematuhan Syariah sebagai kawal selia	Zeti Akhtar Aziz, Hailani Muji Tahir
<b>4. Aplikasi</b>	Pembentukan dana wakaf pendidikan	Nur Yuhanis et.al dan Roslina et.al
<b>4. Tadbir urus</b>	Pengurusan yang telus dan cekap	Baharudin Sayin, Asmak Ali & S.Salahudin Suyurno Mohamad Akram Laldin Mohammad Tahir Sabit Haji Mohammad, Abdul Hamid Mar Iman & Ismail Omar
<b>5. Jenis-jenis risiko</b>	Kos pembiayaan, kesedaran masyarakat, faktor ekonomi	Norhazimah Che Hassan, Nor Fatimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad
<b>6. Latihan</b>	Wakaf penjana aktiviti usahawan	Nor'Ain Abdullah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Abd Halim Mohd Noor

Sumber: Pengkaji (2015)

## METODOLOGI KAJIAN

Kertas ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji secara sistematik semua literatur berkaitan wakaf pendidikan tinggi. Sumber primer diambil dari pelbagai pangkalan data (sama ada boleh didapati secara percuma (*open access*) atau secara langganan (*subscription access*). Dari sorotan literatur, dua persoalan

kajian dibangunkan. Pertama, apakah jenis-jenis risiko wakaf? Kedua, apakah model konseptual yang dicadangkan bagi penentu risiko wakaf pendidikan tinggi. Dalam mencari kajian lepas hanya artikel dalam jurnal dikaji semula seperti Emerald, Ebscohost, MyJurnal, Scopus, Web ISI, SAGE, Wiley Online Library, Google scholar, IEEE *Xplore* Digital Library, JSTOR dan Scival Expert UKM. Sumber kedua diambil dari tesis, prosiding seminar, laporan penyelidikan dan dokumen rasmi dari institusi pengurusan wakaf seperti JAWHAR dan JAKIM. Pemilihan jurnal, kertas prosiding dan tesis kerana ia lebih relevan berbanding buku-buku yang sukar didapati secara *online*. Walaupun hanya terdapat abstrak dari sumber-sumber tersebut, ia dapat memberi maklumat umum yang penting berkenaan pencarian sorotan literatur dan mudah didapati berbanding buku *hardcopy*. Daripada sumber primer dan kedua, sebanyak 50 artikel terhasil dari pencarian. Selepas proses saringan dibuat hanya 23 artikel yang relevan dengan objektif kajian dipilih secara rawak untuk dianalisis dengan terperinci. Keseluruhan artikel yang dirujuk bermula dari tahun 1998 hingga 2014. Limitasi kajian bergantung pada sumber akses secara dalam talian sama ada boleh diakses secara percuma, menerusi langganan oleh perpustakaan KUIM atau dari sumber perpustakaan IPTA. Untuk mengurangkan bias ketika pemilihan sumber untuk sorotan literatur maka pengkaji sendiri memilih artikel yang berkaitan wakaf pendidikan tinggi sahaja.

## **RISIKO DALAM PELAKSANAAN WAKAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Berdasarkan kepada sorotan literatur, pengkaji memberikan cadangan bagi menghadapi risiko. Antara risikonya adalah risiko urus tadbir, kerjasama agensi, keyakinan masyarakat, dan risiko integriti. Oleh itu, pengkaji telah memberikan cadangan berkaitan dengan risiko-risiko tersebut:

### **i. Risiko urus tadbir**

Menurut Cheah dan Yap (1999) dan Sheridan dan Kendall (1992) menjelaskan bahawa sistem tadbir urus yang baik harus terdiri daripada satu sistem struktur, operasi dan mengawal syarikat untuk mencapai objektif berikut: memenuhi matlamat strategik jangka panjang; pertimbangan dan menjaga keperluan alam sekitar; dan masyarakat tempatan, termasuk interaksi ekonomi dan kebudayaan bertujuan untuk mengekalkan hubungan yang sangat baik seperti tahap kualiti dan perkhidmatan, prosedur penyelesaian akaun dan lain-lain serta mengekalkan pematuhan dengan semua keperluan undang-undang dan peraturan di mana syarikat beroperasi. Kelemahan dalam urus tadbir menyebabkan institusi wakaf ini kurang mendapat perhatian dikalangan masyarakat. Oleh itu, penting bagi institusi pengajian tinggi mempunyai

satu badan khas yang menguruskan dengan lebih teratur untuk memastikan urusan berkaitan wakaf dapat dijalankan dengan lebih baik. Jika pengurusan dapat ditambahbaik maka secara tidak langsung ianya dapat membantu mempromosikan institusi pengajian tinggi tersebut ke peringkat yang lebih tinggi.

ii. Risiko kerjasama agensi dan keyakinan masyarakat

Kesukaran institusi pengajian tinggi mendapatkan kerjasama dengan agensi kerajaan ataupun bukan kerajaan dapat ditangani sekiranya risiko urustadbir berjaya. Ini kerana, mereka akan lebih yakin untuk memberikan kerjasama bukan sahaja dalam bentuk kewangan malahan juga dalam bentuk bukan kewangan seperti menyumbang kepakaran, pendapat dan idea untuk memantapkan sistem wakaf di IPT. Oleh itu, institusi pengajian tinggi perlu mewujudkan jalinan dengan badan korporat dan kerajaan bagi memudahkan pengumpulan dana wakaf tersebut. Secara tidak langsung, apabila adanya hubungan kerjasama ini maka akan dapat mengukuhkan lagi kepercayaan dan kefahaman masyarakat mengenai wakaf.

iii. Risiko integrity

Integriti penting untuk memastikan kelangsungan kejayaan sesebuah masyarakat tersebut. Di dalam wakaf, integriti ini mempunyai nilainya yang tersendiri kerana ia merupakan amanah yang perlu dijaga dengan sebaik mungkin untuk memastikan harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan dengan sebaiknya. Kejujuran dalam pengurusan dan pelaksanaan wakaf akan dapat membantu dalam memartabatkan institusi wakaf pengajian tinggi tersebut.

iv. Risiko Kewangan

Dana wakaf pendidikan telah bermula dengan pembinaan sekolah-sekolah pondok dan sekolah agama. Kini, ianya diperluaskan lagi dengan terbinanya institusi pengajian tinggi yang berasaskan dana wakaf. Pembinaan ini merangkumi bangunan akademik, pembinaan infrastruktur dan lain-lain. Dana wakaf yang diperolehi oleh institusi pengajian tinggi penting dan perlu dikembangkan supaya dana ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan ianya mencukupi untuk diuruskan pada masa hadapan seperti menampung kos penyelenggaraan, pengurusan dan lain-lain kos.

## **KESIMPULAN**

Berasaskan kajian literatur yang berkaitan wakaf pendidikan tinggi, terdapat beberapa faktor-faktor yang mungkin boleh mempengaruhi pengurusan risiko wakaf pendidikan tinggi. Adalah penting bagi institusi wakaf mengenalpasti risiko-risiko yang wujud untuk membangunkan lagi sektor pendidikan wakaf. Selanjutnya kertas ini mencadangkan kajian empirikal diperlukan untuk memeriksa sama ada semua faktor-faktor akan menyumbang dengan ketara kepada pengurusan risiko wakaf pendidikan tinggi atau sebaliknya. Pengkaji juga mengakui terdapat batasan untuk mendapatkan kajian-kajian lepas dari pangkalan data dan sumber rujukan yang dipilih. Maka hasil dapatan dari sorotan kajian lepas untuk menghasilkan model pengurusan risiko wakaf pendidikan tinggi di Malaysia perlu diambil kira sebahagian limitasi kajian hanya di institusi tertentu yang bersesuaian.

## **BIODATA PENULIS**

***Nur Farhana Dahalan*** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka

***Rahisam Ramli*** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

***Roslina Hashim*** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

***Nur Yuhanis Ismon*** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Sains Islam Malaysia. Pernah berkhidmat di Kolej Universiti Islam Melaka dan kini melanjutkan pengajian di peringkat PhD di bawah tajaan UTHM.

***Shahrina Romli*** memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka.

## **RUJUKAN**

- Abd. Shakor Borham. (2011). Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan. Paper presented at The International Conference on Humanities 2011.
- Asharaf Mohd Ramli & Mustafa Omar Mohammad. (2013). An Overview of Public Funding for Higher Learning Education in Malaysia and the Prospect of Waqf Funding. Paper presented at The Global Higher Education Forum 2013.
- Asmak Ab. Rahman. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 1(2009), 113-152.
- Baharuddin Sayin, Azri Bhari & Muhammad Hamizan Ab Hamid. 2015. Majlis Agama Islam Negeri Belum Mempunyai Perancangan Mewujudkan Wakaf Pendidikan Tinggi. Dlm. Baharuddin Sayyin (pnyt.). *Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia. Satu Penantian*, hlm. 29-38. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaz), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Baharudin Sayin, Asmak Ali & S.Salahudin Suyurno. (2006). Kajian Perbandingan Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Kajian Kes Di Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu Dan Perbadanan Wakaf Malaysia (Vol. 600). UiTM: Shah Alam.
- Cheah & Yap (1999), Perspective on Corporate Governance and Management, MAICSA & Star Publications
- Hailani Muji Tahir. (2010). Panduan Syariah Dalam Penjanaan Dan Agihan Dana Waqaf Ukm. Retrieved from Portal Komuniti Dana Wakaf & Endowment UKM  
Tarikh  
<http://www.waqaf.ukm.my/blogdana/Lists/Categories/Category.aspx?CategoryId=5&Name=Panduan+Syariah+Dalam+Penjanaan+Dan+Agihan+Dana+Waqaf+UKM> Akses 15 Januari 2015
- Ismail Omar, Aminah Md Yusof & Julaida Johan. 2015. Forgetting Dark Ages and Venturing into Brighter Future-Potential for Endowment and Waqf in Higher Education of Malaysia. Dlm. Baharuddin Sayyin (pnyt.). *Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia. Satu Penantian*, hlm. 75-84. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaz), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Mazrul Shahir Md Zuki. (2012). Waqf and Its Role in Socio-Economic Development. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 4(2), 173-178.
- Mohd Daud Bakar. (1997). Aspek-Aspek Pembiayaan Projek Dalam Amalan Perbankan Islam. *Jurnal Syariah*, 5(2), 204-228.
- Muhammad Ridhwan Ab Aziz, Mohd Asyraf Yusof, Fuadah Johari, Asharaf Ramli & Hisham Sabri. (2014). The Relief of Higher Education Loan through Islamic Waqf Bank. *Asian Social Science*, 10(22).

- Muhammad Subari Ramli & Marliana Abdullah. (2014). Penentuan Kadar Ujrah Al-Nazir Dalam Pengurusan Wakaf. Paper presented at The International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC 2014), Kuala Lumpur 17 – 18 November 2014
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Management Studies*, 21(2), 63-81.
- Nor'Ain Abdullah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Abd Halim Mohd Noor. (2014). The Potential of Waqf for Sustaining Entrepreneurs: A Case Study in Ukm. Paper presented at The 4th International ISRA Colloquium. Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia.
- Norhazimah Che Hassan. (2007). Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Penelitian. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 85-103.
- Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim. 2015. Mekanisme Wakaf Sebagai Instrumen Pendidikan Tinggi Swasta. Prospek Dan Cabaran Kolej Universiti Islam Melaka Sebagai Ipts. Dlm. Baharuddin Sayyin (pnyt.). *Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia. Satu Penantian*, hlm. 49-74. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaz), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Roshayani Arshad & Rina Fadhilah Ismail. (2011). Discretionary Risks Disclosure: A Management Perspective. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 2(2011), 67-77.
- Roslina Hashim, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Nur Yuhanis Ismon & Shahrina Romli. (2015). Prospek Penjanaan Dana Wakaf Institusi Pengajian Tinggi Melalui Instrumen Pelaburan. Paper presented at The International Conference On Waqf 2015 (ICW2015) "Waqf: Issues and Challenges, the Way Forward". Dewan Perdana, UniSZA. 10 & 11 Mei 2015
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed. (2011). Institusi Wakaf Dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia. Paper presented at The Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI. Melaka. 5-7 Jun 2011
- Shamsiah Mohamad, Asmak Ab. Rahman & Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy. (2010). Kesejahteraan Ummah Dan Agihan Semula Kekayaan Menurut Perspektif Islam. Paper presented at The Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat. Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab. Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad. (2007). Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah Di Wilayah Pembangunan Iskandar. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 1(2), 1-32.

- Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid. (2014). Peranan Dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia. Paper presented at the PROSIDING PERKEM ke-9.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. (2010). Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Malaysia. Paper presented at The Persidangan Antarabangsa ke 7: Epistemologi Tauhid –Ekonomi Zakat dan Wakaf ILIM Bangi, Selangor.
- Tunku Alina Alias & Murat Cizakca. (2014). Should Malaysian States Have a Fresh Approach to Waqfs? A Proposal for a Model Waqf Enactment. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 6(2), 135-139.
- Wan Kamal Mujani. (2014). *Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara* Selangor: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Zeti Akhtar Aziz. (2004). *Menjamin Kestabilan Dalam Sistem Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.